

PERTUSSIS

1. Apakah itu Pertussis/ Batuk Kokol (whooping Cough)?

Pertussis atau batuk kokol (*whooping cough*) adalah jangkitan bakteria akut melibatkan saluran pernafasan. Ianya disebabkan oleh *Bordetella Pertussis*

2. Bagaimana seseorang boleh dijangkiti dengan bakteria itu?

Seseorang boleh dijangkiti melalui udara daripada pernafasan orang yang dijangkiti. Pertussis boleh menjangkiti semua orang tanpa mengira usia. Namun, bayi merupakan golongan yang paling berisiko tinggi untuk dijangkiti.

3. Apakah tanda dan gejala jika dijangkiti?

Bermula dengan batuk gatal dan lama kelamaan menjadi batuk berulang (*paroxysmal*), biasanya dalam tempoh 1 hingga 2 minggu dan berlarutan sehingga 1 hingga 2 bulan atau lebih.

Tanda *paroxysms* adalah batuk berulang yang berterusan dan teruk. Setiap siri *paroxysms* boleh menyebabkan pesakit menjadi kebiruan (*cyanosis*) kerana tidak sempat bernafas. Kahak batuk selalunya berwarna jernih. Batuk juga boleh disusuli oleh muntah.

Seseorang yang dijangkiti bakteria Pertussis boleh menularkan jangkitan kepada orang lain dalam tempoh dua minggu pertama gejala batuk bermula.

4. Apakah komplikasi yang mungkin boleh berlaku selepas dijangkiti bakteria tersebut?

Pneumonia (radang paru-paru), *encephalopathy* (radang otak) dan kematian boleh berlaku. Kekurangan zat, hilang berat badan merupakan komplikasi akibat muntah yang berulang. Sawan juga boleh berlaku akibat kekurangan bekalan oksigen ke otak berikutan batuk yang berterusan tanpa sempat bernafas.

5. Bagaimanakah penyakit ini dapat dicegah?

Pelalian dengan menggunakan vaksin Pertussis merupakan cara pencegahan yang berkesan dan selamat. Sekurang-kurangnya 3 dos dan diberikan secara suntikan. Di Malaysia, pelalian diberikan kepada bayi sebanyak 4 dos mengikut Jadual Program Imunisasi Kebangsaan.

Pelalian diberi pada umur 2, 3 dan 5 bulan serta dos tambahan (*booster*) pada umur 18 bulan.

Seseorang yang mempunyai gejala batuk perlu mengamalkan adab batuk (menutup mulut ketika batuk) dan mencuci tangan selepas batuk bagi mencegah penularan jangkitan kepada orang lain. Seseorang yang bergejala juga dinasihatkan supaya tidak mencium bayi memandangkan bayi berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan Pertussis.